

Cyberterror terhadap Islam menerusi group Facebook ‘Murtads in Malaysia and Singapore’

Muhamad Faisal Ashaari

Maimunah Kahal

Anuar Puteh

Abstrak

Terdapat sesentengah pihak yang menggunakan medium ini untuk melancarkan serangan terhadap agama lain yang boleh dianggap sebagai penganas agama atau “cyberterror”. Mereka telah menggunakan medium ini untuk menyerang agama lain secara emosi seperti menghina, mengutuk dan sebagainya. Keadaan ini tidak dapat dielakkan kerana alam maya merupakan medium yang terbuka luas dan mudah dimanipulasi oleh pihak tertentu. Walau bagaimanapun, tahap serangan berkenaan boleh berada di tahap yang rasional sehingga tahap yang emosional dan ganas. Terdapat kumpulan yang asalnya memeluk Islam, kemudian mereka keluar daripada Islam telah menubuhkan group perbincangan secara maya menerusi Facebook yang dikenali dengan Facebook Murtads in Malaysia and Singapore. Penggunaan laras bahasa *admin* dalam laman sosial ini sangat mencemar kesucian Islam kerana ia mengandungi unsur kecewa, tidak puas hati dan menyerang hukum hakam Islam yang dihamburkan secara emosi. Persoalannya, adakah interaksi mereka di alam maya itu sehingga boleh mencapai tahap cyberterror kerana serangan mereka yang bertali arus terhadap Islam. Apakah motif dan bentuk interaksi di dalam perbincangan group ini dan siapakah siberis group ini. Sejauhmanakah maklum balas / reakis yang diterima terhadap posting yang disebarkan dalam Facebook ini.

PENDAHULUAN

Interaksi di alam maya telah membuka ruang penyebaran agama yang sangat luas. Pembelajaran mengenai semua agama di dunia juga membuka lebih banyak ruang komunikasi kepada semua masyarakat. Walau bagaimanapun, selain menjadi ruang penyebaran dan pembelajaran, alam maya juga telah membuka lebih ruang kepada golongan ekstremis untuk melakukan serangan ke atas masyarakat beragama terutama sekali Islam. Untuk itu, kajian perlu dilakukan ke atas isu interaksi antara agama di alam maya kerana berpotensi untuk dikembangkan dan dibincangkan dalam berbagai aspek dan diluaskan dalam kajian yang seterusnya kerana penyatuan antara agama dengan interaksi telah mengorak lebih banyak kemajuan bersama dalam bidang politik, ekonomi dan pendidikan (Ramazan tt). Bidang ini adalah ruang yang paling berpotensi untuk membina keserasian dalam hubungan antara penganut agama. Atas dasar ini, menurut Cottrell (2000) interaksi antara agama perlu dilakukan bagi mencari jalan penyelesaian kepada konflik yang sedia ada dan membina jalan kerjasama bagi memudahkan semua urusan yang melibatkan agama dan meluaskan medium perbincangannya ke alam maya.

KONSEP CYBERTERRORISM

Secara umum, *cyberterrorism* merupakan jenayah siber yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan boleh mengundang kerosakan dan ancaman dalam dunia maya (hackerzvoive.net). Andai berterusan, ia boleh menggugat keamanan alam maya, menimbulkan salah faham dan perbalahan di antara komuniti maya. *Cyberterrorism* terdiri dari dua perkataan iaitu “cyber” dan “terrorism”. *Cyber* bermaksud sebuah alam semesta yang baru, dunia yang bersifat maya dan terbuka, diwujudkan oleh teknologi komputer serta talian komunikasi dunia (Michael 1991), manakala *terrorism* adalah sebarang perlakuan yang berbentuk keganasan, serangan, pencerobohan dan tingkah laku permusuhan yang digunakan untuk melakukan kekejaman. Perbuatan ini adalah diluar norma, kelakuan dan tabiat manusia (Biggo & Nancy 2003). Menurut Massimo (2005), *cyberterrorism* adalah penggunaan digital media baru di alam maya secara global yang menyalahi undang-undang, mengugut dengan harta benda serta memaksa kerajaan atau mana-mana persatuan dan organisasi untuk memenuhi matlamat kepentingan peribadi, gerakan, ideologi dan politik. Serangan berkaitan dengan keganasan di alam maya yang dilakukan oleh golongan *cyberterror* ke atas pihak yang tertentu bagi mencapai berbagai matlamat seperti politik dan gerakan keagamaan.

Menurut James A. Lewis (2002) *cyberterror* adalah golongan yang melakukan sebarang serangan, aktif menyebarkan propaganda dan mencetuskan kontroversi di alam maya. *Cyberterror* terdiri daripada dua perkataan iaitu “cyber” dan “terror” yang membawa makna dunia maya dan juga pengganas (Douglas 2004). Dalam konteks kajian ini *cyberterror* yang dimaksudkan adalah golongan pelampau agama yang menyerang fahaman dan kepercayaan agama lain di alam maya dan menggunakan interaksi maya untuk menyebarkan fahaman yang salah kepada komuniti maya dan menyebabkan ada pihak lain yang dipandang

serong. Kadang-kala sikap golongan ini menghalang gerak kerja agama dan menimbulkan berbagai tanggapan negatif masyarakat luar terhadap agama. Sikap keterlaluan golongan ini dalam beragama menyebabkan permusuhan, perbalahan, sengketa dan salah faham sesama sendiri serta melibatkan penganut agama lain. Muhammad Qutb (2000) mengatakan bahawa golongan ini wujud bukan disebabkan oleh faktor ajaran dari agama terbabit tetapi ia merupakan masalah individu yang tidak boleh bersederhana dalam mendepani urusan yang berkaitan agama.

Golongan ini dikenali sebagai pelampau agama ataupun ekstremis kerana bersikap keterlaluan, menggunakan pendekatan ketat dan keras dalam berinteraksi berkaitan perkara yang berbeza dan mempunyai batasan yang telah ditentukan oleh agama (Mujid Abadi 817 H). Menurut Yusuf al-Qaradawi (2004) terdapat enam tanda pelampau dalam agama iaitu taksub dengan pendapat tertentu, suka mengerjakan yang susah, melampau yang tidak kena pada tempatnya, keras dan ganas yang tidak bertepatan dengan ajaran agama, bersangka buruk dengan orang lain dan juga sikap cenderung untuk kafir mengkafir. Oleh itu, golongan ini melakukan serangan terhadap agama ditambah oleh sikap tamak dan terburu-buru untuk mencapai matlamat yang dikehendaki. Sikap hasad, iri hati, marah dan perasaan kecewa juga menyebabkan manusia sanggup melakukan serangan ke atas agama lain dengan menyebarkan fitnah dan memburukkan agama tersebut. Selain itu, tekanan dosa dan kesalahan yang lalu juga menyumbang kepada sikap ekstrem dalam beragama kerana ingin menghukum diri dari dosa dan perbuatan maksiat (Wahbah Zuhaili 2009).

Sikap individu dan motif yang ingin dicapai telah menyebabkan serangan terhadap agama terus berlaku sehingga ke alam maya. Serangan juga berlaku kerana salah faham terhadap agama, perasaan dendam dan tidak puas hati. Salah faham terhadap Islam disebabkan oleh beberapa faktor antaranya adalah imej negatif yang telah ditimbulkan oleh pihak gereja sejak dari Abad Pertengahan. Kedua, konflik yang berlaku antara Islam dan Barat sepanjang sejarah ditunjukkan dalam hal penaklukan yang saling berganti antara kedua pihak. Ketiga, kejahilan tentang Islam yang berpunca dari kurang memahami Islam secara mendalam malah para sarjana non-Muslim yang mengkaji tentang Islam juga kurang memahami Islam. Kajian mereka hanya berkisar kepada “Islam sejarah” dan bukan “Islam konseptual”. Keempat adalah disebabkan oleh sikap umat Islam sendiri yang melakukan keganasan atas nama jihad tanpa melihat dengan lebih terperinci konsep jihad yang telah diperintahkan oleh Islam (Zulkifli & Fikri 2004). Kesimpulannya, sikap, perasaan, salah faham dan latar belakang *cyberterror* ditambah dengan motif keagamaan yang ingin dicapai telah menyebabkan serangan agama di alam maya terus berlaku.

Motif Serangan *Cyberterror*

Golongan *cyberterror* mempunyai motif tertentu dalam melakukan serangan terhadap agama di alam maya. Serangan ini bermula dengan motif yang ingin disampaikan kepada publik dalam dunia realiti (*offline*) dan perbincangan mengenainya diperluaskan ke dalam dunia maya (*online*). Menurut Massimo (2005), motif mesej yang disampaikan di alam maya tidak mempunyai perbezaan dengan serangan yang dilakukan oleh golongan ini di dunia nyata.

Perbahasan, perdebatan dan perbincangan yang mereka lakukan menjurus kepada propaganda dan kontroversi bagi mencetuskan suasana yang tegang di antara pihak yang terlibat. Seperti yang dinyatakan oleh Denning (2004) antara motif utama golongan *cyberterror* menggunakan alam maya sebagai medium interaksi dengan publik adalah untuk mencetuskan pelbagai kontroversi dan propaganda terhadap agama.

Dalam propaganda yang dicetuskan, pelampau agama mempunyai motif yang sangat jelas seperti menyebarkan fahaman mereka kepada awam, menyebarkan fitnah, menghina kepercayaan pihak lain serta ada yang berlaku dalam bentuk perbincangan dengan nada sinis. Menurut Muhammad Qutb (2000) dalam penulisan bertajuk “Salah Faham Terhadap Islam”, Barat yang terdiri daripada golongan atheis menyerang Islam dengan rasa dendam yang diluahkan dalam bentuk cacian, hinaan dan kejian terhadap ajaran dan sejarah. Antara contoh tulisan yang sangat lantang menyerang Islam ialah *Islam in Modern History* (2004) tulisan Wilfred Cantwill Smith dan penulis terkemuka yang juga pengasas kepada teori evolusi iaitu Sigmund Freud, mengatakan bahawa Eropah yang bertuhankan sains sangat relevan dengan zaman dan memberi kepuasan kerana segala persoalan yang berkaitan dengan alam dan manusia terjawab dengan kajian ke atasnya.

Justeru itu, motif serangan pelampau agama jelas adalah untuk menimbulkan salah faham, pertelingkahan dan menyatakan pendirian, pandangan dan pendapat secara keterlaluan. Oleh kerana itu, golongan ini berusaha menyerang agama dari berbagai sudut dan menggunakan semua maklumat yang berkaitan agama untuk merealisasikan matlamat dan mencapai motif yang disasarkan. Menurut Douglas Kellner (2004), sikap melampau golongan ini sukar dikawal kerana dibelenggu kemarahan terhadap pihak lain menyebabkan mereka sewenangnyanya mengeluarkan kata-kata kesat, nista, keji dan kutukan secara terbuka. Selain itu, golongan ekstremis telah lama membina rangkaian media dan merancang dengan teliti strategi bagi mencapai matlamat menyerang musuh dan untuk meraih publisiti serta perhatian masyarakat dunia.

Selain itu, *cyberterror* membawa motif perjuangan agama masing-masing untuk menyerang fahaman dan kepercayaan agama lain. Golongan ini menyampaikan motif dalam bentuk serangan yang berbagai di alam maya kerana medium ini tidak mempunyai sekatan kepada interaksi yang berlaku bahkan menerima semua golongan yang menggunakan rangkaian komunikasi ini tidak kira pihak yang berniat baik ataupun sebaliknya. Interaksi maya menerima kehadiran pejuang serta golongan penganas dalam agama menyebabkan siberis terdiri daripada latar belakang yang berbeza. Namun begitu, menurut Nirode Mohante (2012) penganas (*terrorist*) dan pelampau agama (*ekstrimist*) adalah berbeza dengan pejuang keamanan (*freedom fighters*). Ini adalah kerana pejuang agama ataupun keamanan jelas mempunyai niat baik dalam menggunakan interaksi maya sebagai salah satu saluran komunikasi menyampaikan kempen keamanan kepada masyarakat berbeza dengan pelampau agama yang membawa motif untuk memburukkan pihak agama lain.

Latar belakang siberis juga amat penting dan memberi pengaruh yang besar kepada motif serangan yang dilakukan. Sebagai contoh, siberis yang terdiri daripada ahli politik

ataupun gerakan sudah tentu akan membawa motif gerakan dan perjuangan yang berbentuk politik. Oleh itu, Kamble dan C. Vishwapriya (2009) mengklasifikasikan kelompok *cyberterror* dan penyerang di alam maya kepada 4 kumpulan seperti berikut:

- a. Kanak-kanak dan remaja (kelompok umur 9-16 tahun): Kebanyakan penggadam (*hackers*) dan *cybercriminal* terdiri daripada golongan remaja. Golongan ini memahami ilmu berkaitan komputer dan istilah godaman yang dilakukan ke atas sistem dan laman web sebagai keseronokan dengan rakan sebaya dan tidak memandang perbuatan ini sebagai satu kesalahan.
- b. *Hacktivist* yang terancang: Golongan ini adalah penyerang di alam maya yang mempunyai motif dan niat tertentu yang selalunya melibatkan politik dan dalam sesetengah kes di antara motif lain yang dibawa termasuklah aktivisme sosial dan juga agama.
- c. Pekerja yang tidak berpuas hati: Sikap kakitangan yang tidak dapat menerima keadaan dengan majikan juga mampu menjadi sebab berlaku serangan di alam maya. Kini, dengan peningkatan kebebasan dalam komputer dan proses yang berjalan secara automatik lebih memudahkan pekerja melakukan jenayah siber.
- d. Penggadam (*hackers*) profesional: Penggunaan komputer secara meluas telah menghasilkan sistem simpanan dalam bentuk elektronik yang dilakukan oleh hampir semua organisasi. Musuh organisasi berusaha menggadam maklumat pihak lain dan mengakses semua maklumat yang diperlukan.

Berdasarkan kepada klasifikasi ini, golongan *cyberterror* dalam agama adalah termasuk dalam kalangan *hacktivist* yang terancang. Ini adalah kerana mereka membawa motif perjuangan agama dalam interaksi maya. Mereka terdiri daripada kelompok yang menganggap bahawa serangan dan keganasan yang dilakukan di alam maya adalah satu perjuangan agama. Selain itu, mereka yakin serangan ke atas agama lain akan membawa kebaikan kepada agama dan kepercayaan yang dianuti sekiranya masyarakat maya memandang serong kepada agama dan kepercayaan masyarakat lain. Motif keagamaan golongan ini disampaikan kepada publik dengan menggunakan metod dan pendekatan yang salah menyebabkan ia dianggap sebagai salah satu serangan dan keganasan terhadap agama. Bagi merealisasikan motif serangan, *cyberterror* menggunakan berbagai bentuk perkataan, imej, audio dan video untuk berkomunikasi di alam maya bagi menunjukkan niat dan matlamat mereka kepada publik. Dengan berbuat demikian, muncul berbagai tema kepada bentuk dan pendekatan interaksi yang digunapakai oleh golongan *cyberterror*. Pendekatan yang agak keterlaluan menimbulkan kebencian, pertelingkahan, persengketaan dan kemarahan dalam kalangan penganut agama. Kemarahan masyarakat akan mencetuskan suasana cemas dan mereka akan bertindak di luar kawalan. Akibatnya, suasana perdebatan di alam maya bertambah buruk dan bercelaru kerana masyarakat saling berbalah sesama sendiri untuk menegakkan pendapat dan pandangan masing-masing. Keadaan ini adalah salah

agenda golongan pelampau agama yang ingin mencetuskan hubungan kurang baik dalam kalangan penganut agama di alam maya.

Sasaran Serangan *Cyberterror*

Sasaran serangan golongan *cyberterror* di alam maya adalah berkaitan dengan fakta dan aspek agama yang diputarbelitkan bagi mencetuskan perasaan ragu dan curiga terhadap agama tersebut. Oleh kerana itu mereka menjadikan semua maklumat berkenaan agama sebagai alat untuk mencapai motif untuk menyerang agama. Sasaran ini akan dijelaskan oleh pengkaji secara umum dari sudut pandangan agama lain yang menganggap Islam sangat mengancam kedudukan agama mereka. Secara umum, sasaran serangan dalam Islam dapat dikaitkan dengan aspek ketuhanan kenabian, hukum Islam, sejarah dan ajaran Islam yang bertali arus pada zaman moden ini yang dilengkapi dengan pelbagai medium teknologi untuk menyampaikan serangan dan menggoyahkan pegangan umat Islam (Ghazali 1991). Dalam Islam, fokus serangan golongan *cyberterror* dan pelampau agama boleh dikategorikan kepada tiga aspek utama iaitu aspek akidah, syariah dan serangan pemikiran.

Golongan orientalis Barat sering menjadikan aspek akidah sebagai sasaran serangan kerana mereka menganggap bahawa dengan adanya kebergantungan umat Islam terhadap Tuhan menjadikan kemunduran dan kegagalan sangat sebatian dengan generasi Islam. Menurut Engku Ahmad Zaki (2007), akidah adalah tunjang kekuatan kepercayaan umat Islam dan atas dasar itu terdapat pihak tidak bertanggungjawab yang ingin meruntuhkan kepercayaan tersebut dan menanam rasa keliru dan curiga terhadap agama. Namun begitu, menurut Muhammad Qutb (2001), Barat dan golongan atheis tidak mempercayai agama dan menjadikan sains sebagai Tuhan. Mereka yakin sains dan teknologi mempunyai jawapan kepada semua persoalan keajaiban alam dan tidak memerlukan Tuhan yang tidak pasti akan kewujudannya. Ini menyebabkan mereka menggunakan isu keesaan dan kekuatan Allah S.W.T sebagai bahan ejekan dan hinaan untuk melakukan serangan kepada umat Islam sehingga ke alam maya kerana menurut Sidi Gazalba (1973) dalam konteks *world view*, Barat adalah sebuah peradaban yang mengenyepikan Tuhan dan mengagungkan kebendaan. Perkara ini sangat berkaitan dengan sikap pelampau agama yang turut memperlihatkan kepada umum rasa benci kepada Islam dengan menceroboh hak sensitivi agama dan mengagungkan teori evolusi berbanding agama dan pegangan akidah kerana rasa percaya kepada agama sudah tiada (Edward Said 1981).

Selain pegangan akidah kepada Allah S.W.T, kepercayaan kepada nabi dan kewujudan Rasulullah s.a.w sebagai pesuruh Allah S.W.T juga dijadikan sebagai sasaran serangan bagi melemahkan umat Islam. Menurut Abdullah Nasih (2004), baginda seringkali dijadikan sebagai salah satu topik untuk menghentam Islam iaitu dengan melakukan serangan ke atas keperibadian, keluarga, dan sejarah hidup Rasulullah s.a.w. Golongan ini bukan hanya mengingkari risalah yang telah disampaikan iaitu kebenaran Islam, menghina peribadi malah menafikan kewujudan Baginda sebagai nabi terakhir sebagaimana yang dilakukan oleh golongan pelampau agama dan anti hadith. Menurut Wan Mohd Azam (1995), penyelewengan terhadap akidah yang merangkumi aspek ketuhanan dan kenabian telah

menyebabkan umat Islam berdepan dengan cabaran yang sangat hebat ditambah dengan dunia yang semakin maju dan kebenaran Islam sering diperlekeh.

Seterusnya, aspek syariah juga sering dijadikan sasaran serangan dari sudut keberkesanan dan signifikan hukum Islam untuk dijalankan pada zaman yang serba moden dan canggih. Barat menganggap bahawa golongan manusia yang bertamadun tidak lagi memerlukan garis panduan hukum dalam kehidupan kerana ia akan menghalang perjalanan hidup manusia untuk mencapai kemajuan dan kejayaan (Azhar & Yusof 2000). Islam telah menetapkan bahawa hukum yang terkandung dalam al-Quran sebagai garis panduan hidup yang wajib dilaksanakan oleh semua umat Islam. Namun Barat menganggap bahawa hukum syariah Islam tidak sesuai dilaksanakan pada zaman sekarang dan hanya relevan dalam kehidupan masyarakat Arab pada zaman dahulu (Indriaty Ismail 1999). Mereka juga menganggap semua perintah Allah S.W.T tidak lagi sesuai dengan kehidupan masyarakat moden kerana manusia zaman ini tidak memerlukan agama dan panduan hidup yang dianggap menyekat kebebasan dan kejayaan manusia (F.Swettenham 1955). Oleh itu, menurut Gordon (1996) hukum agama ini perlu diubah kepada cara hidup barat termasuklah sistem undang-undang ala Eropah yang menjanjikan kejayaan dan umat Islam perlu menghentikan pegangan kepada agama dan metafizik yang menyebabkan mereka mundur, menjadi bangsa yang kalah dan tidak bertamadun.

Serangan dan keraguan terhadap syariah dilakukan dengan mencipta berbagai teori berkaitan dengan al-Quran dan al-Sunnah, dengan mengatakan sumber hukum dalam Islam adalah ciptaan manusia semata-mata (Donald 1994). Ahmad Kamal (2004) mengatakan bahawa antara sebab pelampau agama menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sasaran serangan dalam Islam adalah kerana mereka mempelajari al-Quran dan al-Sunnah dengan baik akan tetapi memahaminya dengan cara yang sempit dan salah. Asas metodologi memahami ayat al-Quran haruslah betul dan bersandarkan kepada hadith Rasulullah s.a.w dan tidak mentafsirkannya mengikut pemahaman sendiri secara zahir tanpa melihat objektif Islam umumnya terhadap akidah dan syariah. Menurut Salleh (2006), kurang memahami al-Quran menyebabkan salah faham terhadap Islam sebagaimana yang dikatakan oleh Barat bahawa Islam membawa mesej keganasan dan kemunduran menerusi al-Quran agar umat Islam dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan dan faktor kejayaan Islam dalam sejarah juga disebabkan oleh peperangan dan keganasan. Golongan ini berfikiran sekular dan anti agama menyebabkan mereka memandang umat Islam tidak perlu mentaati ajaran agama agar bebas melakukan penelitian yang bersifat kritikal terhadap agama dan mengembangkan penggunaan akal (William & Paul 1952).

Selain akidah dan syariah, serangan pemikiran adalah salah satu cabaran yang sangat besar kepada umat Islam pada zaman ini. Salah satu serangan yang sangat bahaya adalah Barat melihat Islam sebagai agama yang salah dan tidak bertepatan dengan evolusi Darwin yang menganggap bahawa sekular Barat merupakan tamadun kemanusiaan yang paling maju dan tinggi, yang menolak sebarang bentuk ajaran agama (Maryam 1971). Oleh kerana dunia kini dipelopori golongan bukan Islam dan kuasa besar terdiri daripada barisan musuh-musuh Islam, kadang-kala umat Islam berdepan dengan kebuntuan apabila terlalu banyak pihak yang

mengenepikan Islam dan tidak mengambil kira garis panduan hidup yang telah ditetapkan agama ke atas semua umat Islam (Sulaiman Nordin 1995). Umat Islam hidup dalam keadaan yang sangat mencabar kerana serangan pemikiran berlaku dalam setiap aspek kehidupan. Pemikiran umat Islam juga dijadikan sasaran dengan mengatakan bahawa pengkajian agama yang bersumberkan hukum wahyu dianggap tidak saintifik yang tidak boleh dibuktikan secara empirikal dan boleh ditangani secara lahiriah dengan pancaindera (Abdul Rahman 2000). Oleh kerana itu golongan pelampau agama tidak mempercayai perkara ghaib seperti kewujudan syurga dan neraka serta menafikan kebenarannya (Louay Safi 1998).


Menurut Wan Liz (1993), terlalu banyak faktor yang menyumbang kepada serangan pemikiran termasuklah kejahilan umat Islam sendiri dan ditambah dengan ideologi barat yang semakin mencengkam pemikiran masyarakat. Umat Islam pula seakan-akan termakan umpan yang mereka sediakan dan mula mengagung-agungkan ideologi dan kemodenan Barat menunjukkan serangan pemikiran semakin berjaya mencapai motif yang disasarkan. Penetapan Barat dalam mempelajari Islam tidak seharusnya dilakukan sebagai agama wahyu sebaliknya sebagai satu budaya yang dihasilkan oleh masyarakat primitif Timur Tengah juga telah dijadikan satu budaya dalam masyarakat Islam (Shukri Ahmad 1998). Islam adalah agama yang mundur (Berthold Spuler 1960), satu pemikiran yang telah diterapkan oleh Barat kepada dunia dalam usaha menafikan sumbangan berharga yang diberikan oleh ajaran Islam ke arah mewujudkan ketamadunan manusia yang sangat bernilai.

Kesimpulannya, sasaran serangan golongan pelampau agama di alam maya adalah sama dengan sasaran mereka di alam realiti sebagaimana yang dilakukan oleh admin laman *Facebook Murtads in Malaysia and Singapore* kerana kajian mereka terhadap Islam berteraskan kepada sifat anti Islam yang dipengaruhi oleh semangat Perang Salib (Ahmad Shalaby 1966), dan kebencian mereka terhadap pengalaman penentangan yang telah dicetuskan oleh masyarakat Islam di tanah jajahan yang berada di bawah penguasaan kuasa Barat (Zakaria Stapa 1994). Golongan pelampau agama, murtad dan atheis menyerang Islam di alam maya dengan interaksi yang berbentuk hinaan, kejian, cacian, kata-kata nista dan juga kutukan yang menggambarkan kebencian mereka terhadap Islam. Interaksi yang negatif ini ditujukan kepada sasaran serangan yang berkaitan dengan Islam. Ternyata kerana salah memahami Islam menjadikan golongan ini seolah merasa dendam dan kecewa dengan agama dan menyebabkan berlaku serangan bertali arus terhadap Islam di alam maya.

METODOLOGI

Kajian bersifat kualitatif yang menggunakan metode kajian kes. Metode ini digunakan kerana bidang ini masih baru kerana cyberterrorism dari perspektif Islam belum mendapat perhatian ramai pengkaji. Justeru, ia memerlukan kepada *understanding issue* untuk membina landasan teori sebelum suatu kajian yang bersifat kuantitatif dilakukan. Data diambil dari sebuah page facebook yang menyerang Islam iaitu Facebook *Murtads in Malaysia and Singapore*. Sample diambil dari

Ia merupakan page FB yang mengumpulkan mereka yang keluar Islam dari Malaysia dan Singapura dan membuka ruang kepada non-Muslims termasuk Muslim untuk berinteraksi di dalam page ini. Ia mula beroperasi pada 29 Oktober 2012 dan pada ketika ini (iaitu pada 7 November 2014) terdapat seramai 551 like. Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi dari laman ini, objektif utama laman murtad ini dibangunkan adalah untuk menjadikan sistem sokongan moral kepada mereka yang telah murtad dari Islam di Malaysia dan Singapura serta mewujudkan perbincangan terbuka kepada perkara berkaitan persoalan murtad di dua negara berkenaan, perkara berkaitan Islam dan juga berkaitan dengan Melayu. Ia membincangkan berbagai isu yang berkaitan agama Islam dan Kristian secara lantang menyebabkan respon dan komen yang diterima menggunakan laras bahasa yang kasar. Posting yang dikemukakan oleh admin menyentuh berbagai isu sensitif agama menyebabkan siberis yang lain turut menyatakan kekecewaan mereka terhadap admin serta ada yang menyokong dengan memberikan tambahan juga dalam laras bahasa yang kasar. Dengan menggunakan nama *group* murtad, ia membayangkan bahawa group ini mengumpulkan mereka yang telah keluar dari Islam atau yang kecewa dengan Islam. Kumpulan mereka tidak sekadar disertai oleh mereka yang sudah murtad, tetapi ia turut disertai oleh mereka yang beragama Islam dan mungkin juga orang yang tidak beragama mahupun orang bukan Islam.



Rajah 3.1 Carian Laman Facebook *Murtads in Malaysia and Singapore*

Sumber: www.facebook.com


DAPATAN

Analisis telah dilakukan terhadap laman sosial “Murtads in Malaysia and Singapore” dalam tempoh dua bulan mulai 1 Mac 2013 sehingga 30 April 2013. Analisis dilakukan terhadap

setiap posting dan komen berdasarkan kepada pembahagian isu-isu. Hasil dari penelitian kepada posting dan komen-komen di dalam laman sosial tersebut, maka dapat dikeluarkan enam topik yang berkaitan dengan keganasan iaitu Islam menggalakkan keganasan, hukum Islam yang bersifat kejam, penghinaan terhadap agama Islam, penghinaan terhadap Allah s.w.t, penghinaan terhadap Nabi Muhammad s.a.w, dan penghinaan terhadap al-Quran.

Jadual 1

Jadual 1. Jumlah kekerapan isu yang diserang



Jadual di atas menunjukkan kekerapan isu-isu yang menjadi serangan kumpulan murtad. Kelihatan serangan terhadap agama Islam yang menunjukkan jumlah yang tertinggi diikuti oleh penghinaan terhadap Allah s.w.t, hukum Islam yang bersifat kejam, penghinaan terhadap Rasulullah s.a.w, Islam mendorong ke arah keganasan dan penghinaan terhadap al-Quran adalah yang paling rendah dan sedikit serangan yang dilakukan. Berikut adalah penjelasan lebih lanjut bagi setiap isu-isu yang di serang.

a. Islam agama yang mendorong keganasan

Imej Islam sejak akhir-akhir ini menjadi isu utama di seluruh dunia. Imej negatif seperti keganasan, fundamentalis sering dikaitkan dengan Islam. Satu perkara yang menyedihkan umat Islam adalah anggapan golongan kumpulan ini yang menganggap agama Islam sinonim dengan keganasan. Analisis mendapati kumpulan ini menyatakan bahawa agama Islam mendorong keganasan dengan mengajar untuk membunuh orang di samping mengaitkan Nabi Muhammad s.a.w menyebarkan Islam dengan menggunakan mata pedang. Antara lain, Islam juga dikaitkan sebagai agama yang mengganas akan tetapi agama-agama lain tidak mengajar umatnya membunuh orang yang tidak mahu bertaubat. Alasan ini digunakan oleh

mereka bahawa Islam mengajar kebencian dan keganasan di samping boleh membunuh orang sesuka hati dan halal bunuh-membunuh apabila dihina. Agama Islam juga dikatakan sebagai agama paksaan iaitu betul di mata kumpulan murtad dan salah di mata umat Islam. Di samping itu, dinyatakan peranan mereka adalah untuk memberi kesedaran tentang penipuan, kebencian dan keganasan dalam Islam kepada masyarakat dan untuk membangkitkan kemarahan umat Islam.

b. Hukum Islam yang kejam

Islam dituduh agama yang zalim dan tidak memberi kebebasan. Slogan kebebasan dilaungkan di serata dunia dan dijaja dengan penuh keindahan. Hak Asasi Manusia diolah pelbagai rupa sehingga menjadi satu perjuangan yang suci lagi menyucikan. Melalui laman sosial ini, kita dapat melihat bagaimana hukum-hukum Allah telah diperkotak-katikkan. Hasil analisis mendapati penghinaan yang diperkatakan tentang hukum Islam adalah mempersoalkan beberapa amalan yang disyariatkan kepada umat Islam termasuk pemakaian bagi wanita Islam. Mereka juga tidak berpuas hati dengan prosedur untuk melakukan penceraian dengan mempertikaikan bahawa lelaki senang untuk bercerai sementara wanita banyak prosedurnya dan tidak boleh berkahwin lagi sehingga tuntutan cerainya tidak disahkan.

Selain itu, akibat ketidakpuasan hati mereka terhadap hukum-hukum Islam yang telah ditetapkan, mereka mengatakan bahawa hukum Islam adalah tidak adil, kejam dan zalim. Contohnya hukum memotong tangan bagi kesalahan mencuri, membunuh bagi sesiapa yang keluar dari agama Islam dan sebagainya. Di samping itu, mereka juga sengaja menimbulkan isu kenapa Islam gagal melindungi perempuan. Mereka memainkan peranan ‘membela’ kesalahan dengan menyatakan hukum Islam adalah tidak sesuai.

c. Penghinaan terhadap Islam

Diturunkan Islam adalah supaya manusia masuk ke dalamnya dan tidak mengambil selain darinya. Masuk ke dalamnya merupakan satu rahmat manakala diutuskan Rasul adalah supaya manusia beriman kepada Allah s.w.t di samping tidak menyekutukan Allah s.w.t dengan selain dari-Nya. Dalam zaman ledakan maklumat, kita mesti akur bahawa imej Islam yang tersebar secara meluas melalui media massa terutama melalui internet, tidak hanya memaparkan imej ajaran Islam yang sebenar namun ada juga cubaan memburukkan imej Islam oleh musuh-musuh Islam yang boleh menimbulkan lebih banyak salah faham tentang ajaran Islam yang sempurna. Melalui analisis ini, penghinaan terhadap agama Islam merupakan serangan yang paling kerap dan banyak dilakukan. Pelbagai cacian dan cercaan yang ditujukan kepada umat Islam khususnya dan agama Islam amnya. Dikatakan bahawa orang Islam sekarang semakin mundur kebelakang. Inilah yang menyebabkan mereka tidak berfikiran terbuka, terlalu ikutkan agama, tidak menghormati agama lain, terlalu ‘syok sendiri’ untuk mengatakan agama mereka itu sendiri agama yang sebenar-benarnya. Analisis juga didapati mereka mengatakan bahawa agama Islam adalah samseng, agama Islam hanyalah ciptaan manusia dan ajaran yang menyesatkan. Mereka mempersoalkan adakah agama yang mengajar bunuh manusia adalah baik. Sekiranya agama Islam adalah yang terbaik, maka golongan seperti mereka tidak perlu dikenakan apa-apa hukuman. Agama

Islam juga dikatakan sebagai agama penjahat dan meninggikan darjat samseng. Di samping itu, imej mereka terhadap agama Islam adalah bukan dan selamanya bukan agama yang aman.

d. Penghinaan terhadap Allah

Kebencian musuh Islam kepada mereka yang menyembah Allah adalah amat melampau. Pelbagai usaha dilakukan namun tidak mendatangkan hasil lumayan, tetapi yang pasti upaya mereka untuk memesonkan akidah tidak pernah pudar dari benak mereka. Analisis melalui pautan laman ini mendapati pelbagai hinaan yang telah ditujukan kepada Allah s.w.t dengan mengatakan bahawa Allah s.w.t adalah mitos ciptaan Muhammad malah mengatakan Allah s.w.t tidak adil dan tidak pernah adil. Mereka juga mengatakan bahawa Allah s.w.t tidak mampu untuk melakukan apa-apa tindakan terhadap mereka. Ini kerana Allah s.w.t telah mengetahui mengapa dan kenapa kumpulan ini melakukan semua perkara ini dan Allah s.w.t telah merestui dan tidak kisah apa yang mereka lakukan disebabkan Allah s.w.t adalah Maha Mengetahui. Mereka juga mengatakan bahawa tuhan yang dipercayai haruslah tuhan yang tidak terminta-minta untuk disembah (bukan ciri-ciri tuhan yang Maha Kuasa dan Maha Penyayang). Dalam aspek lain, mereka mempersoalkan kenapa orang Islam perlu pancung kepala orang lain semata-mata nak membela Allah dan jelas kelihatan bahawa Allah s.w.t tidak mempunyai kuasa sehingga perlu dibela.

e. Penghinaan terhadap Rasulullah

Kebiasaan musuh-musuh Islam pada hari ini semakin menjadi-jadi terutama dalam menghina keperibadian Rasulullah s.a.w. Persoalan menghina atau mengkritik Nabi s.a.w bukanlah perkara baru bahkan ianya tidak pernah berhenti sebagaimana yang telah dirakam dalam sejarah apatah lagi setelah kejatuhan Khilafah Islam pada tahun 1924. Pada zaman kini, gaya penghinaan terhadap Rasulullah berubah mengikut arus perubahan semasa. Mereka mencetuskan bermacam-macam tohmahan terhadap Islam dengan menggunakan strategi mereka melalui serangan pemikiran dan terkini serangan melalui media elektronik dengan slogan 'hak kebebasan bersuara'.

Berdasarkan pemerhatian, posting dan komen yang berunsurkan penghinaan yang dilakukan oleh kumpulan murtad ini terhadap Nabi Muhammad s.a.w adalah Nabi berpoligami menandakan Nabi seorang yang kuat nafsu. Alasan ini mereka perkukuhkan dengan memberi bukti bahawa perkahwinan Nabi dengan Aisyah r.a adalah kerana ingin memuaskan nafsu semata-mata. Nabi Muhammad s.a.w dikatakan sebagai kaki kelentong dan buta huruf. Oleh yang demikian mereka mengatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w yang mencipta al-Quran. Nabi Muhammad s.a.w juga dikatakan tidak dapat memberi syafaat terhadap ibu, datuk dan bapa saudaranya yang menyayangi dan menjaga ketika baginda membesar dan mustahil untuk Nabi Muhammad s.a.w ingin memberikan syafaat kepada umatnya yang langsung tidak dikenali. Penghinaan terhadap Rasulullah juga dapat dilihat melalui gambar-gambar dan imej yang dipaparkan melalui laman mereka. Antara gambar-gambarnya ialah gambar yang menunjukkan Rasulullah s.a.w di samping isteri-isteri Baginda, agama Islam satu acuan daripada Rasulullah s.a.w dan sebagainya.

f. Penghinaan terhadap al-Quran

Penghinaan terhadap al-Quran dapat dilihat dengan dakwaan kumpulan murtad ini bahawa Nabi Muhammad s.a.w sendiri yang menciptakan al-Quran supaya sesuai dengan hukum-hukum dan undang-undang yang dimahukannya. Disebabkan perkara demikian, mereka mempertikai kandungan ayat-ayat suci al-Quran. Al-Quran juga dikatakan buku cerita dongeng kerana apa yang terkandung di dalamnya adalah tidak logik dan segala yang ada adalah tidak konsisten. Hujah-hujah yang diberikan oleh sesiapa yang cuba berhujah dengan mendatangkan ayat al-Quran akan ditolak dengan mudah oleh mereka kerana mereka hanya berfikir berdasarkan logik pemikiran dan ayat-ayat al-Quran hanya dijadikan sebagai cercaan oleh mereka. Ilmu-ilmu saintifik yang terdapat dalam al-Quran juga semuanya dikatakan merepek dan banyak salah. Terdapat juga gambar yang menunjukkan penghinaan al-Quran sebagai contoh gambar al-Quran diletakkan di dalam bilik air, al-Quran yang dipijak dan sebagainya.

KESIMPULAN

Oleh kerana itu, interaksi dalam aktiviti harian dan dialog perlu diadakan bagi memperjuangkan kebenaran dan memperbetulkan stereotaip dan persepsi oleh mana-mana pihak seperti yang berlaku di alam maya. Islam seringkali menjadi bahan tujahan pelbagai spekulasi yang menghina ataupun yang sangat bertentangan dengan ajaran agama Islam. Semua tuduhan ini akan berlanjutan dan Islam tidak akan terbela sekiranya umat Islam hanya menerima segalanya dengan hati yang terbuka tanpa ada perdebatan secara sihat dan interaksi agar kebenaran Islam dapat ditegakkan. Semua jenis serangan dan keganasan yang dilakukan ke atas Islam juga perlu kepada pencerahan dan pemahaman umum agar Islam tidak lagi digelar penganas setelah mengetahui bahawa ganas itu adalah sikap dan sifat yang universal dan bukan hanya dimiliki oleh umat Islam. Justeru, Zeki (2008) mengatakan bahawa komuniti global dunia kini perlu lebih cenderung berbicara mengenai hubungan antara agama dan berusaha mencari titik persefahaman antara penganut agar perjuangan agama dapat diteruskan dalam interaksi yang berbentuk rasional dan lebih harmoni.

RUJUKAN